



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### LAPORAN TAHUNAN JABATAN NEGARA AMERIKA SYARIKAT MENGENAI PEMERDAGANGAN ORANG (U.S TIP REPORT) TAHUN 2023

---

1. Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) telah mengeluarkan Laporan Tahunan mengenai Pemerdagangan Orang (U.S TIP Report) Tahun 2023 pada 15 Jun 2023. Malaysia mengalu-alukan laporan tersebut yang telah meletakkan negara di Tahap 2 Pemerhatian (Tier 2 Watch List) bagi tahun 2023 iaitu peningkatan setelah 2 tahun berturut-turut berada di Tahap 3. Peningkatan ini adalah sejajar dengan usaha dan komitmen berterusan Kementerian Sumber Manusia dalam menangani isu buruh paksa.
2. Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum dan memandang serius isu-isu di bawah bidang tanggungjawab Kementerian ini yang telah dinyatakan di dalam penilaian Laporan Tahunan mengenai pemerdagangan orang dan akan terus komited untuk membanteras isu khususnya berkaitan buruh paksa melalui langkah-langkah berikut:-
  - i. meningkatkan aspek perlindungan sosial dan aspek perburuhan kepada pekerja asing termasuk pekerja domestik, pekerja dalam sektor perladangan dan pembuatan sarung tangan getah;
  - ii. memperkukuhkan peranan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) melalui pembangunan kapasiti pemeriksa buruh bagi memastikan lebih banyak pendakwaan dibuat ke atas majikan yang melakukan kesalahan terutamanya berkaitan kes buruh paksa;
  - iii. meningkatkan usaha negara untuk membasmi isu buruh paksa secara komprehensif melalui pindaan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023 khususnya melalui penambahan Seksyen 90B berkaitan buruh paksa. Peruntukan ini menetapkan penalti kepada majikan yang melakukan kesalahan buruh paksa di bawah Akta ini;

- iv. meningkatkan program kesedaran mengenai hak-hak perburuhan dan perlindungan sosial dalam kalangan pekerja domestik pekerja asing melalui program libat urus dengan kedutaan dan persatuan pekerja domestik;
  - v. memperkukuhkan kerjasama hubungan antarabangsa dengan Amerika Syarikat melalui penubuhan Joint Working Committee (JWG). Usaha ini akan dapat meningkatkan imej negara dan sekaligus memastikan produk tempatan tidak akan dikenakan sekatan (Withhold Release Order -WRO) oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat berikutan isu buruh paksa;
  - vi. mempergiatkan usaha negara dengan kerjasama wakil kesatuan sekerja, wakil persekutuan majikan dan wakil industri dalam melaksanakan Pelan Tindakan Nasional Berhubung Buruh Paksa (National Action Plan on Forced Labour – NAPFL) 2021 – 2025 selaras dengan komitmen negara yang telah meratifikasi Protokol 2014 kepada Konvesyen Buruh Paksa ILO 1930 (P29); dan
  - vii. menangani isu-isu berkaitan pengurusan pekerja asing dengan lebih baik termasuk mengadakan kerjasama strategik dengan negara-negara sumber.
3. Kementerian Sumber Manusia selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Pemerdagangan Buruh yang merupakan salah satu jawatankuasa di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran akan terus bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri dan pihak-pihak berkepentingan yang lain bagi meningkatkan prestasi negara dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang khususnya buruh paksa.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
16 JUN 2023**